IKLAN KEKOSONGAN
GERAI / PREMIS / KIOSK

Tarikh Diiklankan : 12 NOVEMBER 2026

1. Permohonan adalah dipelawa kepada penduduk kelahiran atau menetap di Simpang Renggam dan kawasan sekitarnya yang berminat untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di Gerai / Premis / Kiosk milik Majlis Daerah Simpang Renggam.

2. Kekosongan Gerai / Premis / Kiosk milik MDSR yang ditawarkan sebagaimana **Jadual A**.

3. Syarat-syarat permohonan gerai / premis / kiosk adalah seperti berikut :

   3.1 Taraf kerakyatan pemohon mestilah **Warganegara Malaysia** yang berumur dari **18 tahun sehingga 60 tahun sahaja**. (Keutamaan akan diberi kepada penduduk sekitar kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam);

   3.2 Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Sewa Gerai yang boleh didapati daripada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MDSR atau dimuat turun dari mana-mana laman sesawang Rasmi milik MDSR;

   3.3 Borang permohonan hendaklah diisikan dengan **LENGKAP** dan dikembalikan kepada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MDSR berserta dokumen-dokumen berikut :

   i) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport;

   ii) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon;

   iii) Satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan / Syarikat (SSM);

   iv) Salinan sijil kursus perniagaan **(jika ada)**;

   v) Melampirkan lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan **(jika ada)**;

   3.4 Permohonan hendaklah dibuat berdasarkan **kekosongan** yang ditetapkan di dalam Iklan Kekosongan Gerai / Premis / Kiosk yang diiklankan sahaja. **(terhad kepada satu pemohon untuk satu kekosongan)**;

   3.5 Pemohon adalah dinasihatkan untuk **melihat keadaan lokasi premis terlebih dahulu** sebelum memohon kekosongan Gerai / Premis / Kiosk yang diiklankan;

   3.6 Pemohon hendaklah menjelaskan bayaran proses permohonan penyewaan sebanyak **RM10.00 bagi satu permohonan**. (Segala kos perbelanjaan berkaitan permohonan ini tidak ditanggung oleh pihak MDSR);

4. Tarikh Tutup permohonan :

4.1 Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam, **sebelum atau pada 26 NOVEMBER 2026 (12.00 tengahari)**;

4.2 Status permohonan yang layak ditemuduga sahaja akan mendapat jemputan temuduga mengikut tarikh yang akan ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"SIMPANG RENGGAM CENTRAL JOHOR GATEWAY"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD IZZUL HELMI BIN AHMAD)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Simpang Renggam

MSAB/am...aset/tawarankosong/iklan2026_2

JADUAL A

Bil	Kategori Harta Sewa (Lokasi)	No. Unit	Kadar Sewa (RM)	Kegunaan Khas
1	Kiosk Taman Sri Bayu, Simpang Renggam	4	40.00 (sewa) 30.00 (utiliti)	Makanan dan minuman
2	Kiosk Taman Sri Bayu, Simpang Renggam	5	40.00 (sewa) 30.00 (utiliti)	Makanan dan minuman
3	MyKiosk Tapak Foodtruck Simpang Renggam	2	70.00	Makanan dan minuman
4	MyKiosk Taman Hutan Bandar Simpang Renggam	4	70.00	Makanan dan minuman
5	MyKiosk Taman Hutan Bandar Simpang Renggam	10	70.00	Makanan dan minuman
6	MyKiosk Taman Hutan Bandar Simpang Renggam	22	70.00	Makanan dan minuman
7	Gerai Kontena Simpang Renggam	1	200.00	Terbuka
8	Gerai MDSR Jalan Pasar, Simpang Renggam	E-28	70.00	Makanan dan minuman
9	Gerai MDSR Jalan Pasar, Simpang Renggam	E-29	70.00	Makanan dan minuman
10	Gerai MDSR Jalan Pasar, Simpang Renggam	E-31	70.00	Makanan dan minuman
11	Kiosk Jalan Baru Renggam	K-01	400.00	Terbuka (selain kedai makan)
12	Gerai MDSR Perhentian Bas Renggam	A-07	100.00	Makanan dan minuman
14	Gerai Lama Jalan Station, Renggam	15	100.00	Makanan dan minuman
15	Gerai Lama Jalan Station, Renggam	17	100.00	Makanan dan minuman
16	Renggam Port @TMIYC Kluang, Renggam	Stall 1	300.00	Makanan dan minuman
17	Renggam Port @TMIYC Kluang, Renggam	Stall 2	300.00	Makanan dan minuman
18	Renggam Port @TMIYC Kluang, Renggam	Stall 3	300.00	Makanan dan minuman
19	Renggam Port @TMIYC Kluang, Renggam	Stall 4	300.00	Makanan dan minuman
20	Renggam Port @TMIYC Kluang, Renggam	Shop 1	300.00	Terbuka
21	Renggam Port @TMIYC Kluang, Renggam	Shop 1	300.00	Terbuka
22	Gerai MDSR Jalan Teck Wah Heng, Layang-Layang	4	80.00	Terbuka
23	Gerai MDSR Jalan Teck Wah Heng, Layang-Layang	5	80.00	Terbuka
24	Gerai MDSR Jalan Teck Wah Heng, Layang-Layang	7	80.00	Terbuka